



**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL.3/2023**

**GARIS PANDUAN DASAR PELAKSANAAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN
BAGI TANAH-TANAH YANG BERSTATUS KEDIAMAN DI KAMPUNG BARU DI
BAWAH SEKSYEN 90A KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

1. TUJUAN

Pekeliling ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai garis panduan dasar pelaksanaan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman di Kampung Baru di bawah seksyen 90A Kanun Tanah Negara [Akta 828].

2. LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan (MMKNS) yang bersidang pada 8 Februari 2023 telah bersetuju dengan pelaksanaan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman di Kampung Baru di Negeri Sembilan kepada 99 tahun mengikut seksyen 90A Kanun Tanah Negara [Akta 828] (KTN).

3. PELAKSANAAN

Kaedah dan tatacara bagi melaksanakan dasar pelanjutan tempoh pejakan untuk tanah-tanah berstatus kediaman bagi Kampung-kampung Baru di Negeri Sembilan seperti berikut:

3.1. Kuasa Melulus

Pihak Berkuasa Negeri.

3.2. Kelayakan pemohon

3.2.1. Pemilik hakmilik adalah individu dan warganegara Malaysia

Hanya permohonan daripada pemilik berdaftar individu warganegara Malaysia sahaja yang boleh dipertimbangkan. Warganegara asing, syarikat asing, pegawai dagang (*expatriate*) dan penduduk tetap (*permanent resident*) tidak dibenarkan untuk memohon.

3.2.2. Pemohon adalah pemilik/pemilik-pemilik yang berdaftar seperti dalam geran

Semua penama yang didaftarkan sebagai wasi, wakil, pentadbir, pemegang amanah atau pemegang surat kuasa wakil adalah tidak layak untuk memohon. Mereka perlu menyelesaikan terlebih dahulu urusan tanah tersebut.

Sekiranya pemilik telah meninggal dunia, waris kepada pemilik asal perlu menyelesaikan bicara kuasa dan membuat urusan turun milik terlebih dahulu sebelum memohon.

3.2.3. Pemohon hendaklah dibuat secara bersama oleh semua pemilik berdaftar

Sekiranya pemilikan hakmilik tersebut secara bersama dengan bukan warganegara atau penduduk tetap (*permanent resident*), maka hakmilik tersebut tidak layak untuk dipertimbangkan.

Pemilikan hakmilik secara bersama dengan mana-mana pemilik yang didaftarkan sebagai wasi, wakil, pentadbir, pemegang amanah atau pemegang surat kuasa wakil dan lain-lain maka hakmilik tersebut adalah tidak layak untuk memohon. Pemilik-pemilik tersebut perlu menyelesaikan terlebih dahulu urusan tanah tersebut.

3.3. Kelayakan Hakmilik

Hanya hakmilik *landed* yang dipegang di bawah hakmilik Pajak Negeri, Pajak Mukim dan Hakmilik Sementara yang dikeluarkan bagi pegangan bertempoh sahaja boleh dipertimbangkan.

3.4. Tempoh pegangan

Tempoh pegangan yang dipohon adalah 99 tahun di mana tempoh lanjutan yang diluluskan setelah dicampur baki tempoh pajakan hendaklah tidak melebihi daripada 99 tahun.

3.5. Surat kebenaran dari pihak berkepentingan

Diperlukan sekiranya terdapat kepentingan berdaftar di atas tanah seperti gadaian, kaveat dan lain-lain kepentingan berdaftar semasa mengemukakan permohonan.

3.6. Tarikh mula permohonan dibenarkan

Tarikh mula permohonan dibenarkan adalah pada bila-bila masa dan hakmilik hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga bulan sebelum tamat tempoh pajakan. Sekiranya selepas permohonan dikemukakan dan masih tidak mendapat kelulusan dan pada masa yang sama hakmilik telah tidak berkuatkuasa, permohonan tersebut akan terus diproses dan diluluskan di bawah seksyen 76 KTN dengan tempoh pegangan 99 tahun dan dikenakan premium pada kadar RM0.50 untuk satu kaki persegi.

Bagi hakmilik yang berbaki kurang dari 3 bulan dari tarikh tamat tempoh pajakan, pemohon hendaklah menunggu sehingga tempoh pajakan tamat dan seterusnya memohon semula tanah tersebut secara pemberimilikan di bawah seksyen 76 KTN dengan tempoh pegangan 99 tahun mengikut tatacara yang sedang berkuatkuasa.

3.7. Dokumen semasa permohonan

- a) 2 salinan borang permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman di Kampung Baru di bawah seksyen 90A KTN
- b) Sijil Carian Rasmi terkini (dalam tempoh 3 bulan);
- c) 1 salinan sah hakmilik dengan pelan;
- d) 1 salinan resit cukai tanah tahun semasa;

- e) 1 salinan kad pengenalan setiap pemilik; dan
- f) Surat kebenaran daripada pihak berkepentingan (jika berkaitan).

3.8. Fi permohonan

Kadar bayaran bagi proses permohonan ialah RM 50.00 bagi setiap permohonan.

3.9. Endorsan permohonan

Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah membuat endorsan permohonan di dalam hakmilik daftaran setelah menerima permohonan melanjutkan tempoh pajakan daripada pemohon.

3.10. Laporan Teknikal

Hanya laporan tanah yang disediakan oleh Pegawai Petempatan di Pejabat Tanah yang diperlukan. Laporan teknikal daripada jabatan/agensi teknikal yang lain tidak perlu.

3.11. Kenaan premium

Dikenakan pada kadar RM0.50 untuk satu kaki persegi.

3.12. Kadar Cukai Tanah

Tiada perubahan pada kadar cukai tanah akibat pelanjutan tempoh pajakan dan tiada keperluan untuk menuntut bayaran cukai tahun pertama walaupun menggunakan Notis Borang 5A.

3.13. Tempoh Bayaran Notis Borang 5A

3 bulan dari tarikh menerima Notis Borang 5A.

3.14. Endorsan kelulusan permohonan pelanjutan tempoh hakmilik

Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah hendaklah membuat endorsan kelulusan permohonan di dalam dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran.

3.15. Endorsan Naik Taraf dan Perubahan Cukai Bagi Tanah Yang Telah Dinaik Taraf Ke Pekan Atau Bandar.

Bagi tanah milik yang didaftarkan sebagai tanah mukim tetapi terletak di dalam kawasan yang telah diwartakan naik taraf ke pekan atau bandar atau tanah yang didaftarkan sebagai tanah pekan tetapi terletak di dalam kawasan yang telah diwartakan naik taraf ke tanah bandar, Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah selain endosan seperti di para 3.14, hendaklah memastikan endorsan naik taraf dan perubahan cukai tahunan dibuat di dalam dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran.

3.16. Tindakan Susulan Berkaitan Hakmilik

Setelah dokumen hakmilik keluaran dikembalikan kepada pemohon, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan berikut:

3.16.1. Hakmilik Yang Tidak Terlibat Dengan Naik Taraf

Sekiranya dipegang di bawah hakmilik sementara, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu supaya hakmilik muktamad dapat didaftarkan.

3.16.2 Hakmilik Yang Terlibat Dengan Naik Taraf

(a) Hakmilik Sementara

Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu supaya hakmilik muktamad dapat didaftarkan dan seterusnya mengambil tindakan seperti di para 3.16.2 (b).

(b) Hakmilik Muktamad

Pentadbir Tanah hendaklah memastikan permohonan permintaan ukur (PU) berkaitan naik taraf tersebut dikemukakan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) bagi tujuan penyediaan pelan B1 yang baharu.

Setelah pelan B1 yang telah dinaik taraf diperolehi, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk mendaftarkan Hakmilik Sambungan Tukar Kawasan (HKTK).

- 3.17. Carta ringkas aliran proses adalah seperti di **Lampiran B**.
- 3.18. Prosedur permohonan adalah seperti di **Lampiran C**.
- 3.19. Contoh format kertas pertimbangan MMK adalah seperti di **Lampiran D**.
- 3.20. Contoh format endosan permohonan dan kelulusan pelanjutan tempoh seperti **Lampiran E** dan **F**.

4. **TARIKH KUAT KUASA**

- 4.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(**AMINO AGOS BIN SUYUB**)

Timbalan Pengarah Tanah dan Galian,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 21 Februari 2023
Rujukan : Bil (4) dlm.PTGNS.10/14 klt.6

LAMPIRAN A

**BORANG PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN BAGI
TANAH-TANAH YANG BERSTATUS KEDIAMAN DI KAMPUNG BARU
DI BAWAH SEKSYEN 90A KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

Panduan mengisi borang

a) *Gunakan lampiran 1 sekiranya pemohon lebih daripada seorang*

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON

1. Nama/Syarikat/Pertubuhan/Koperasi/Agensi :

2. Syer/bahagian

dan _____ yang lain seperti di Lampiran 1 (*satu lampiran untuk setiap pemohon seterusnya*)

3. No. Kad Pengenalan/No.Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan/Koperasi/Agensi

4. Bangsa : _____

5. Alamat :

Poskod : _____ Bandar : _____

Negeri : _____

No. Tel : _____

No. Faks : _____ (*jika ada*)

Alamat emel : _____ (*jika ada*)

6. Pekerjaan : _____

B. MAKLUMAT TANAH

1. Jenis hakmilik : _____
2. No. hakmilik : _____
3. Daerah : _____
4. Bandar/Pekan/Mukim : _____
5. No Lot/PT : _____
6. Taman/ Kampung/Tempat : _____
7. Luas : _____
8. Kategori : _____
9. Syarat nyata : _____

10. Tempoh pajakan : _____
11. Tarikh luput tempoh pajakan : _____
12. Baki tempoh pajakan : _____

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya / kami mengaku bahawa segala butiran yang dinyatakan di dalam borang permohonan ini adalah benar.

(Tandatangan pemohon)
Nama : _____
No KP : _____
Tarikh : _____

(Tandatangan pemohon)
Nama : _____
No KP : _____
Tarikh : _____

(Tandatangan pemohon)
Nama : _____
No KP : _____
Tarikh : _____

(Tandatangan pemohon)
Nama : _____
No KP : _____
Tarikh : _____

LAMPIRAN 1

A. BUTIR-BUTIR PEMOHON (PEMILIK YANG LAIN)

1. Nama/Syarikat/Pertubuhan/Koperasi/Agensi :

2. Syer/bahagian

3. No. Kad Pengenalan/No.Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan/Koperasi/Agensi

4. Bangsa : _____

5. Alamat :

Poskod : _____ Bandar : _____

Negeri : _____


No. Tel : _____

No. Faks : _____ *(jika ada)*

Alamat emel : _____ *(jika ada)*


6. Pekerjaan : _____

**RINGKASAN CARTA ALIR PROSES
PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN HAKMILIK BERSTATUS
PAJAKAN NEGERI DAN PAJAKAN MUKIM DI BAWAH SEKSYEN 90A,
KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**



- PTG : Pengarah Tanah dan Galian
- PTD : Pentadbir Tanah Daerah
- PPTG : Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
- PT : Pejabat Tanah (Unit Pelupusan/Unit Pembangunan)

Tindakan dilakukan serentak



- PTG : Pengarah Tanah dan Galian
 PTD : Pentadbir Tanah Daerah
 PPTG : Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
 PT : Pejabat Tanah (Unit Pelupusan/Unit Pembangunan)

PROSEDUR PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PAJAKAN BAGI TANAH-TANAH YANG BERSTATUS KEDIAMAN DI KAMPUNG BARU DI BAWAH SEKSYEN 90A KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]

Langkah Utama		Perhatian	Catatan
1.	Pentadbir Tanah menerima permohonan.	<p>1.1. Permohonan hendaklah dibuat melalui borang permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman di Kampung Baru di bawah seksyen 90A Kanun Tanah Negara [Akta 828](KTN) disertai dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Sijil Carian Rasmi terkini (3 bulan); b) Salinan sah hakmilik dengan pelan; c) Salinan resit cukai tanah tahun semasa; d) Salinan kad pengenalan; e) Surat kebenaran daripada pihak berkepentingan (jika berkaitan). <p>1.2. Dokumen hakmilik keluaran tidak perlu dikemukakan semasa permohonan.</p>	
2.	Pentadbir Tanah mengarahkan PT membuka fail permohonan.	2.1. Setelah fail dibuka, butiran permohonan hendaklah dicatatkan dalam rekod daftar permohonan.	
3.	Pendaftar/Pentadbir Tanah membuat endorsan permohonan di dalam dokumen hakmilik daftar.	<p>3.1. Unit Pelupusan/Pembangunan Tanah) PT mengemukakan 2 salinan Borang Endorsan permohonan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah-tanah yang berstatus kediaman di Kampung Baru di bawah seksyen 90A KTN kepada Unit Pendaftaran Hakmilik, PPTG atau Unit Pendaftaran, PT</p> <p>3.2. Pendaftar Hakmilik atau Pentadbir Tanah mengikut mana-mana yang</p>	Tindakan di para 3.1 ini hendaklah diambil secara serentak dengan tindakan di para 4.1

LAMPIRAN C

	Langkah Utama	Perhatian	Catatan
		<p>berkenaan membuat endorsan permohonan dalam dokumen hakmilik.</p> <p>3.3. Unit Pendaftaran Hakmilik, PPTG atau Unit Pendaftaran, PT mengembalikan 1 salinan Borang Endorsan Permohonan kepada Unit Pelupusan/Pembangunan Tanah) PT</p>	
4.	Pentadbir Tanah mengarahkan Pegawai Petempatan membuat laporan tanah.	<p>4.1. Unit Pelupusan/Pembangunan Tanah) PT mengemukakan permohonan kepada Unit Teknikal untuk mendapatkan laporan tanah</p> <p>4.2. Laporan Pegawai Petempatan hendaklah mengandungi antara lain perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Tanah berada dalam kawasan pihak berkuasa tempatan atau sebaliknya;b) Penggunaan semasa tanah tersebut;c) Pelanggaran syarat sekiranya ada; dand) Perkara-perkara lain yang berkaitan. <p>4.3. Unit Teknikal, PT mengemukakan laporan kepada Unit Pelupusan/ Pembangunan Tanah) PT</p>	Tindakan di para 4.1 ini hendaklah diambil secara serentak dengan tindakan di para 3.1
5.	Pentadbir Tanah mengemukakan kertas untuk pertimbangan MMK.	<p>5.1. Kertas pertimbangan MMK hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri.</p> <p>5.2. Kertas pertimbangan MMK hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Butiran mengenai tanah;b) Tempoh pelanjutan yang	

LAMPIRAN C

Langkah Utama		Perhatian	Catatan
		<p>dipohon;</p> <p>c) Kenaan premium; dan</p> <p>d) Perkara-perkara lain yang berkaitan.</p>	
6.	Pertimbangan oleh Pihak Berkuasa Negeri.	<p>6.1 Kelulusan tertakluk kepada budi bicara PBN. Jika PBN memutuskan untuk meluluskan permohonan, kelulusan tersebut hendaklah meliputi perkara-perkara yang berikut:</p> <p>a) Tempoh pajakan yang diluluskan;</p> <p>b) Kadar bayaran premium; dan.</p> <p>c) Perkara-perkara lain yang berkaitan.</p>	
7.	Pentadbir Tanah menyampaikan keputusan permohonan kepada pemohon.	<p>7.1. Pentadbir Tanah hendaklah menyampaikan kepada pemohon surat kelulusan dan notis Borang 5A. Pemohon dimaklumkan untuk mengemukakan dokumen hakmilik keluaran bagi tindakan endorsan pelanjutan tempoh pajakan.</p> <p>7.2. Sekiranya pemohon gagal membayar premium atau apa-apa bayaran lain yang ditetapkan, kelulusan adalah lupalu.</p>	Notis Borang 5A hanya mengandungi tuntutan bayaran premium dan notis sahaja.
8.	Pendaftar Hakmilik/Pentadbir Tanah membuat endorsan pelanjutan tempoh pajakan.	8.1. Sekiranya bayaran diterima dalam tempoh ditetapkan, endorsan pelanjutan tempoh hakmilik hendaklah dibuat dalam dokumen hakmilik daftaran dan keluaran .	
9.	PT mengembalikan dokumen hakmilik keluaran	9.1. Dokumen hakmilik keluaran dikembalikan kepada pemohon/pemegang gadaian	
10.	Bagi hakmilik yang tidak terlibat dengan naik taraf	10.1 Sekiranya dipegang di bawah hakmilik sementara, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu supaya	

LAMPIRAN C

Langkah Utama	Perhatian	Catatan
	hakmilik muktamad dapat didaftarkan.	
11. Bagi hakmilik yang terlibat dengan naik taraf	11.1 (a) Jika hakmilik sementara Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu supaya hakmilik muktamad dapat didaftarkan dan seterusnya mengambil tindakan seperti di para 3.16.2 (b). (b) Jika hakmilik muktamad Pentadbir Tanah hendaklah memastikan permohonan permintaan ukur (PU) berkaitan naik taraf tersebut dikemukakan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) bagi tujuan penyediaan pelan B1 yang baharu. Setelah pelan B1 yang telah dinaik taraf diperolehi, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan yang perlu untuk mendaftarkan Hakmilik Sambungan Tukar Kawasan (HKTK).	

**DOKUMEN INI ADALAH HAKMILIK KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
KERTAS MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

Bil.()dlm. _____
PTG.NS.

Kertas Mesyuarat No.....

(Majlis Mesyuarat Kerajaan Pada.....)

**PERMOHONAN DI BAWAH PELAKSANAAN PELANJUTAN
TEMPOH PAJAKAN BAGI TANAH BERSTATUS KEDIAMAN DI
KAMPUNG BARU DARIPADA _____ BAGI HAKMILIK
_____ LOT/PT _____ BANDAR/PEKAN/MUKIM
_____, DAERAH _____ DI BAWAH SEKSYEN 90A,
KANUN TANAH NEGARA [AKTA 828]**

1. TUJUAN

Kertas ini bertujuan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus (MMKNS) ke atas permohonan di bawah pelaksanaan pelanjutan tempoh pajakan bagi tanah berstatus kediaman di kampung Baru daripada _____ bagi hakmilik _____ Lot/PT _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Daerah _____ di bawah seksyen 90A, Kanun Tanah Negara [Akta 828](KTN).

2. BUTIR-BUTIR PEMOHON

- a) Pemohon : _____
- b) No.Kad Pengenalan : _____
- c) Alamat : _____
- d) Tarikh Permohonan : _____
- e) Tarikh permohonan : _____

RAHSIA

3. BUTIR-BUTIR HAKMILIK

- a) Daerah : _____
- b) Bandar/Pekan/Mukim : _____
- c) Jenis & No. Hakmilik : _____
- d) No. Lot/PT : _____
- e) Luas : _____
- f) Tempoh Pegangan : _____
- g) Tarikh Luput Pajakan : _____
- h) Pemilik Berdaftar : _____
- h) Jenis Kegunaan : _____
- i) Syarat Nyata : _____
- j) Sekatan Kepentingan : _____
- k) Bebanan Berdaftar : _____

4. KEADAAN DAN KEDUDUKAN TANAH

4.1. Kedudukan Tanah

Tanah ini terletak di _____

4.2. Keadaan Tanah : _____

4.3. Jenis Bangunan : _____

4.4. Tanah dikelilingi oleh :-

- a) Utara - _____
- b) Selatan - _____
- c) Timur - _____
- d) Barat - _____

5. HURAIAN PENTADBIR TANAH _____

5.1. _____

5.2. _____

6. SYOR PENTADBIR TANAH _____

6.1. Pentadbir Tanah _____ mengesyorkan supaya diluluskan permohonan daripada _____ untuk pelanjutan tempoh pajakan hakmilik _____ Lot/PT _____ Bandar/Pekan/Mukim _____, Daerah _____ di bawah seksyen 90A, KTN dengan syarat-syarat seperti berikut :-

Tempoh Pegangan : 99 tahun

Pelanjutan Tempoh Pegangan : Kepada 99 tahun termasuk baki tempoh pajakan bermula dari tarikh endorsan pelanjutan tempoh pegangan dibuat oleh Pendaftar/Pentadbir Tanah

Kenaan Premium : RM 0.50 sekaki persegi

7. HURAIAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

7.1. _____

8. SYOR PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

RAHSIA

9. KEPUTUSAN

9. Dibentangkan untuk pertimbangan dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus.

(
Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus

(
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Negeri Sembilan Darul Khusus

CONTOH

Bil () dlm. _____

**PERMOHONAN SUPAYA DIBUAT CATATAN DI DALAM DOKUMEN
HAKMILIK DAFTARAN**

Kepada : Pentadbir Tanah / Pendaftar Hakmilik

Bahawasanya satu permohonan telah diterima pada ____ hb _____ 20____
daripada tuanpunya tanah seperti jadual di bawah untuk pelanjutan tempoh pajakan
hakmilik di bawah seksyen 90A KTN. Seperti dikehendaki oleh seksyen 90A(3) KTN,
satu catatan yang menyatakan sedemikian hendaklah dibuat di dalam dokumen
hakmilik daftaran tanah berkenaan.

Bertarikh pada ____ hb _____

**MOHOR
PENTADBIR TANAH DAERAH**

Daerah / No. Fail	Bandar/ Pekan Mukim	No /Jenis Hakmilik	No. Lot / P.T	Luas

Kepada Pentadbir Tanah Daerah _____

Catatan di bawah seksyen 90A(3) KTN telah dibuat pada ____hb____

jam ____ pagi/petang

Bertarikh pada ____ hb _____

**MOHOR
PENTADBIR TANAH DAERAH /
PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SEMBILAN**

Bil () dlm. _____

**PERMOHONAN SUPAYA DIBUAT CATATAN DI DALAM DOKUMEN
HAKMILIK DAFTARAN DAN DOKUMEN HAKMILIK KELUARAN**

Kepada : Pentadbir Tanah / Pendaftar Hakmilik

Bahawasanya Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan pada _____ telah meluluskan permohonan daripada tuanpunya tanah seperti jadual di bawah untuk pelanjutan tempoh pajakan hakmilik di bawah seksyen 90A KTN. Seperti dikehendaki oleh seksyen 90A(7) KTN, satu catatan yang menyatakan sedemikian hendaklah dibuat di dalam dokumen hakmilik daftaran dan dokumen hakmilik keluaran tanah berkenaan.

Bertarikh pada ____hb____

**MOHOR
PENTADBIR TANAH DAERAH**

Daerah / No. Fail	Bandar/ Pekan Mukim	No /Jenis Hakmilik	No. Lot / P.T	Luas

Kepada Pentadbir Tanah Daerah _____

Catatan di bawah seksyen 90A(7) KTN telah dibuat pada ____hb____
jam____ pagi/petang

Bertarikh pada ____hb____

**MOHOR
PENTADBIR TANAH DAERAH /
PENDAFTAR HAKMILIK NEGERI SEMBILAN**